



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 1 TAHUN 2012

Semua Pegawai Pengawal,

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2013

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan perbelanjaan tahun 2013. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan perbelanjaan disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling ini.

PENDAHULUAN

2. Tahun 2013 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan sasaran untuk menjadikan Negeri Perlis sebagai negeri maju menjelang tahun 2015 semakin hampir. Dalam mencapai matlamat tersebut dan selaras dengan Model Ekonomi Baru yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan Negeri perlu beranjak kepada satu bentuk model ekonomi yang berasaskan kepada inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi.

3. Seiring dengan ini, Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan usaha untuk meningkatkan daya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi, perdagangan dan persekitaran di dalam ekonomi global. Selaras dengan Gagasan 1 Malaysia, Bajet 2013 akan terus mengamalkan prinsip mendahulukan kesejahteraan rakyat dan mengutamakan pencapaian matlamat enam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA).

SENARIO EKONOMI

4. Secara keseluruhannya, ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.1 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2011 dan dijangka meningkat pada kadar 5.0 hingga 5.5 peratus bagi keseluruhan tahun 2011.
5. Bagi tahun 2012, momentum pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus berkembang pada kadar 5.0 hingga 6.0 peratus, dipacu oleh permintaan domestik terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Unjuran ini juga turut mengambil kira faktor pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana dan perdagangan serantau yang kekal kukuh. Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka menyeluruh dengan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Manakala, dari sudut permintaan, penggunaan swasta dijangka lebih menyeluruh dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.1 peratus. Ini disokong oleh pelaksanaan projek *Rolling Plan* Kedua di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)

6. Walaupun senario ekonomi negara menunjukkan perkembangan yang positif, faktor ketidakpastian ekonomi global juga dijangka akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, perancangan perbelanjaan bagi tahun 2013 perlu mengekalkan pendekatan yang lebih berhemat bagi membolehkan wujudnya ruang fiskal untuk menghadapi sebarang cabaran yang mendatang.

7. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri Perlis akan meneruskan usaha untuk mengurangkan defisit pada tahun 2013 bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Selaras dengan usaha ini maka, Kerajaan Negeri akan mengamalkan disiplin yang tegas dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan tahunan jabatan. Tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada akan dilaksanakan sekiranya berlaku kecuaiian dalam pengurusan kewangan jabatan. Di samping itu, semua jabatan perlu mengamalkan budaya perbelanjaan berhemat secara cekap dan berasaskan produktiviti.

DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN 2013

8. Tahun 2013 yang merupakan tahun ketiga pelaksanaan RMKe-10, Kerajaan Negeri Perlis akan terus melaksanakan inisiatif ke arah mentransformasikan Negeri Perlis sebagai sebuah negeri maju yang berpendapatan tinggi, moden dan progresif selaras dengan wawasan Perlis Maju 2015. Falsafah induk nasional iaitu Konsep 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan hendaklah dijadikan

asas. Di samping itu, dasar dan inisiatif yang digariskan oleh Kerajaan iaitu Pelan Transformasi Kerajaan (GTP), Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) hendaklah dijadikan panduan oleh jabatan/agensi dalam merangka program/aktiviti/projek berdasarkan fungsi masing-masing.

9. Berikutan permintaan pelanggan yang semakin kompleks dan perubahan persekitaran yang lebih dinamik, penambahbaikan berterusan mutu penyampaian perkhidmatan awam akan terus dilakukan dan diberi tumpuan. Cabaran yang dihadapi menuntut kerajaan mengubah fokus kepada usaha mencapai *outcome*, keberhasilan dan prestasi yang lebih tinggi menggunakan sumber yang terhad secara lebih optimum dan berkesan.
10. Justeru itu, perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti/projek perlu mengambil kira faktor keberhasilan (*outcome*) dan impak serta elemen pengukuran prestasi seperti *Key Result Area* (KRA) atau *Key Performance Indicator* (KPI). Di samping itu, jabatan menyemak semula program/aktiviti supaya tidak berlaku pertindihan akibat *working in silo* dan menangani menggunakan pendekatan yang lebih strategik, teratur dan bersepadu.
11. Selaras dengan pendekatan berasaskan *outcome* di bawah RMKe-10, proses belanjawan akan beralih kepada penekanan terhadap penjanaan output yang menyumbang kepada pencapaian *outcome* berbanding pengukuran ke atas penggunaan input dan penghasilan output semata-mata. Di samping itu, bagi memastikan *outcome* yang

ditetapkan tercapai, elemen pemantauan dan penilaian ke atas program dan aktiviti akan diberi perhatian dan dilaksanakan secara lebih sistematik.

12. Antara dasar dan inisiatif utama semasa yang mesti diberi keutamaan adalah seperti mana yang ditekankan dalam RMKe-10, Model Baru Ekonomi, GTP dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) serta ETP dan NKEA. Perhatian juga perlu diberi ke atas dasar-dasar seperti Misi Nasional dan Wawasan 2020 bagi mencapai matlamat pembangunan negeri ke arah Perlis Maju 2015.

13. Sepuluh (10) idea utama yang digariskan di bawah RMKe-10 perlu diambil kira semasa menyediakan strategi pelaksanaan di peringkat jabatan iaitu:
 - i) ekonomi dipacu oleh faktor dalam negeri di samping mengambil kira persekitaran luar negara;
 - ii) memanfaatkan kepelbagaian etnik untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa;
 - iv) menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi;
 - v) memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan cemerlang;
 - vi) memastikan peluang sama rata dan melindungi golongan yang mudah terjejas;
 - vii) pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif;
 - viii) menyokong perkongsian pintar dan berkesan;
 - ix) menghargai khazanah alam sekitar; dan
 - x) Kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

14. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mencapai bajet berimbang dalam masa terdekat. Bagi mencapai matlamat tersebut Kerajaan Negeri bersedia menguruskan defisit secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi negeri nilai wang (*value for money*).

15. Pegawai Pengawal diminta mengamalkan pengurusan kewangan secara berhemat dengan melaksanakan program dan aktiviti secara paling cekap, ekonomik dan berkesan. Dalam hubungan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus iaitu:
 - i) semua program dan aktiviti hendaklah dinilai, diubahsuai dan disusun semula berdasarkan keutamaan semasa Kerajaan Negeri;
 - ii) pertindihan fungsi sama ada di dalam jabatan mahupun di antara agensi perlu dielakkan;
 - iii) penyelenggaraan aset kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan hendaklah diberi keutamaan;
 - iv) memastikan semua perbelanjaan komited termasuk pembayaran bil-bil utiliti dan yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
 - v) keutamaan perbelanjaan disusun semula dengan tumpuan diberikan kepada program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada pencapaian KPI secara cekap dan berkesan;

- vi) memastikan peruntukan emolument disediakan secukupnya termasuk bagi pegawai khidmat singkat/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
 - vii) faktor keupayaan untuk melaksana program dan aktiviti oleh Jabatan/Agensi perlu diambil kira; dan
 - viii) garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan berkenaan pengawalan perbelanjaan awam khususnya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 perlu dipatuhi.
16. Oleh yang demikian, penyediaan cadangan perbelanjaan mengurus perlu dibuat dengan mengambil kira keperluan sebenar, keutamaan perbelanjaan dan kemampuan berbelanja Jabatan untuk mengelakkan pembaziran. Manakala perbelanjaan pembangunan haruslah memberi tumpuan kepada projek-projek RMKe-10 yang telah diluluskan, terutamanya projek-projek yang mempunyai impak yang meluas dan berpotensi untuk meningkatkan daya saing ekonomi negeri.
17. Di samping itu, pengurusan kutipan hasil perlu dimantapkan lagi dari masa ke semasa. Inisiatif baru perlu diambil dalam mencari sumber-sumber hasil baru. Semakan semula kadar cukai sedia ada untuk meningkatkan kutipan hasil Negeri perlu diberi perhatian. Di samping itu, segala peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada perlu digunapakai secara tegas dalam meningkatkan kutipan hasil dan mengurangkan tunggakan hasil.

18. Dalam melaksana projek dan aktiviti jabatan, Pegawai Pengawal perlu memastikan bahawa Teras Pembangunan Negeri serta Misi Nasional (2006 – 2020) dan Model Ekonomi Baru yang ditetapkan oleh Kerajaan tercapai. Dengan itu, perancangan dan tindakan harus ditumpukan kepada strategi dan langkah berikut:
- a) meningkatkan produktiviti, daya saing dan nilai tambah aktiviti sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang sedia ada dan mewujudkan generasi baru usahawan Bumiputera yang berdaya saing;
 - b) menggalakkan lagi pelaburan swasta tempatan dan menarik pelaburan langsung;
 - c) membangunkan modal insan yang berkualiti;
 - d) mengurangkan jurang antara penduduk luar bandar dan bandar serta membasmi kemiskinan;
 - e) memperkasa peranan belia dan wanita dalam arus pembangunan;
 - f) menjamin keselamatan dan ketenteraman awam;
 - g) menyediakan perkhidmatan dan kemudahan awam serta meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan serta memupuk budaya kecemerlangan dan berprestasi tinggi;
 - h) meningkatkan pembangunan dan penggalakan kebudayaan, kesenian dan warisan negara; dan
 - i) memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan tanpa mencemarkan dan merosakkan alam sekitar.

19. Pegawai Pengawal perlu memastikan bahawa projek dan aktiviti yang dilaksanakan telah dirancang, menepati kehendak pengguna serta mencapai objektif pembangunan negeri. Bagi mengelak pembaziran dalam perbelanjaan, perhatian harus diberi ke atas perkara-perkara berikut:
- i. Pegawai Pengawal perlu membuat kajian pasaran dan mengenalpasti harga pasaran untuk mendapatkan harga terbaik (*value for money*) dalam pelaksanaan projek dan perolehan bekalan;
 - ii. Pegawai Pengawal perlu memastikan pembelian dan pelaksanaan kerja mematuhi garis panduan, tatacara dan prosedur kewangan yang ditetapkan;
 - iii. Pegawai Pengawal perlu memastikan projek-projek RMKe-10 dilaksanakan dengan lancar agar projek-projek dapat disiapkan mengikut jadual pelaksanaan dan peruntukan yang disediakan;
 - iv. Pegawai Pengawal perlu menguruskan projek berasaskan keputusan (*managing for development results*) melalui kaedah perancangan, pemantauan dan penilaian yang menekankan kepada pencapaian dan *outcome* kepada golongan sasaran; dan
 - v. Pegawai Pengawal perlu memastikan projek pembangunan yang dirancang hendaklah digunakan dengan optimum supaya pelaksanaan projek-projek dapat memberi impak maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

20. Belanjawan adalah instrumen penting dalam menjayakan dasar-dasar Kerajaan. Dengan itu, dalam penyediaan cadangan perbelanjaan, Pegawai Pengawal hendaklah mengambilkira dasar-dasar dan wawasan serta hasrat Kerajaan Negeri di samping sensitif ke atas keperluan pelanggan terutamanya golongan sasar.

PENGURUSAN DAN KAWALAN KEWANGAN

21. Pengurusan kewangan merupakan asas dalam pengurusan sumber yang menentukan kejayaan, pencapaian objektif dan matlamat sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal perlu memberi perhatian dan kawalan sepenuhnya terhadap pengurusan kewangan jabatan dengan melaksanakan peranan berikut:
- i. memastikan perancangan projek dan program adalah menepati objektif dan strategi dan dasar pembangunan negeri;
 - ii. memastikan agihan sumber kewangan dilakukan dengan sebaik mungkin;
 - iii. memastikan penggunaan sumber kewangan pada tahap yang optimum; dan
 - vi. memastikan tidak berlakunya sebarang pembaziran dan penyelewengan sumber kewangan.
22. Maka dengan itu, adalah penting bagi Pegawai Pengawal memberi perhatian dan mengambil serius terhadap teguran-teguran Ketua Audit Negara yang dibangkitkan di dalam laporannya setiap tahun dan memastikan kesalahan dan kelemahan yang sama tidak

berulang. Bagi mengelakkan teguran-teguran audit, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972), Pekeliling dan Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan dan prosedur kewangan dipatuhi sepenuhnya.

23. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan defisit tahunan maka Kerajaan Negeri akan mengamalkan disiplin yang tegas dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan tahunan jabatan di samping memastikan semua jabatan mengamalkan budaya perbelanjaan berhemat secara cekap dan produktif. Justeru itu, sebarang ketidakpatuhan terhadap prosedur dan tatacara kewangan akibat kecuaiian dan kelalaian tindakan yang sewajarnya akan diambil berdasarkan peraturan sedia ada kepada pegawai yang bertanggungjawab.

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN 2013

24. Penyediaan cadangan belanjawan adalah dua tahun sekali. Oleh yang demikian, Pegawai Pengawal hendaklah merancang dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan untuk memastikan sumber kewangan digunakan dengan cara yang paling optimum bagi mencapai objektif yang ditetapkan dan mencapai kumpulan sasaran.

25. Bagi memudahkan penyediaan belanjawan 2013 cadangan perbelanjaan akan dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem Sistem Perakaunan Berkomputer Standard (SPEKS) untuk Kerajaan Negeri. Jabatan hendaklah memasukkan data di dalam skrin kemasukan yang berkaitan dalam sistem SPEKS dan seterusnya mencetak dan mengemukakan laporan-laporan yang berkaitan ke Perbendaharaan Negeri untuk tujuan semakan.
26. Pegawai Pengawal perlulah memastikan input dimasukkan di dalam format-format melalui sistem tersebut dengan tepat dan sempurna bagi menggambarkan anggaran yang munasabah. Kegagalan pihak jabatan memasukkan data dengan lengkap dan sempurna akan menyebabkan berlaku kesilapan dalam pengiraan bajet secara keseluruhan. Sebarang masalah mengenai penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2013 ini hendaklah dirujuk terus ke Pejabat Perbendaharaan Negeri.
27. Penyediaan Buku Cadangan Perbelanjaan bagi tahun 2013 hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

27.1 **Buku 1** **ANGGARAN HASIL dan**
ANGGARAN PERBELANJAAN
MENGURUS

27.2 **Buku 2** **ANGGARAN PERBELANJAAN**
PEMBANGUNAN

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS 2013

28. Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2013 hendaklah mengandungi perkara-perkara dan mengikut susunan berikut:

28.1 **Anggaran Hasil** – disediakan dengan mengemukakan Laporan Cadangan Peruntukan mengikut format seperti di dalam sistem SPEKS iaitu:

- a. Ringkasan Hasil Mengikut Objek Sebagai – *Format AH1*;
- b. Butir-Butir Hasil Mengikut Objek Lanjut – *Format AH2*; dan
- c. Justifikasi Anggaran Hasil – *Format AH3*.

28.2 Anggaran Perbelanjaan Mengurus dengan mengemukakan Laporan Cadangan Peruntukan mengikut format seperti di dalam sistem SPEKS iaitu:

- a. Ringkasan Perbelanjaan Program/Aktiviti Mengikut Objek Sebagai – *Format BM5*;
- b. Justifikasi Anggaran Mengurus – *Format BM5b*;
- c. Anggaran Perbelanjaan Mengikut Objek Sebagai – *Format BM5c*; dan
- d. Perjawatan dan Emolumen

PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2013

29. Dalam memohon peruntukan bagi tahun 2013 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan telah disenaraikan dan diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Perlis.
30. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan yang dipohon adalah tidak melebihi siling projek dan telah mengambil kira keupayaan melaksana oleh Jabatan. Justeru itu, perancangan yang rapi serta keperluan aliran tunai sebenar bagi tahun tersebut perlu dilakukan di samping menyediakan jadual aliran kerja bagi setiap projek. Manakala, bagi projek/program yang nilai perolehan RM500,000.00 ke atas, pegawai pengawal hendaklah mendapatkan pengesahan peruntukan daripada Perbendaharaan Negeri Perlis dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum proses tender atau tawaran dibuat kepada kontraktor.
31. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan peruntukan tanda (Token) RM10.00 sahaja bagi projek-projek baru yang akan dilaksanakan di mana urusan pengambilan balik tanah, kajian kesesuaian tanah dan kajian kemungkinan projek belum dimuktamadkan. Di samping itu, peruntukan tanda (token) RM10.00 juga perlu disediakan bagi projek-projek yang telah siap jika sekiranya masih terdapat keperluan terutamanya yang melibatkan pembayaran *Variation Order* (VO). Pegawai Pengawal adalah juga

diminta memastikan hanya peruntukan yang boleh dibelanjakan dalam tahun berkenaan sahaja dipohon.

32. Penyediaan Perbelanjaan Pembangunan perlu dinyatakan dengan terperinci senarai nama program dan butiran projek yang dirancang supaya peruntukan yang telah diluluskan tidak menyimpang daripada tujuan program.
33. Bagi projek yang dicadang dibiayai melalui peruntukan pinjaman, peruntukan akan dipertimbangkan berasaskan kriteria-kriteria berikut kecuali bagi projek sosial dan strategik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun:
 - a) projek bercorak komersial;
 - b) projek yang berdaya maju dan mempunyai Kadar Pulangan Dalaman sekurang-kurangnya 8%; dan
 - c) peminjam tidak mempunyai apa-apa tunggakan bayaran balik pinjaman.
34. Semua permohonan pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 1989 dan dikemukakan melalui Perbendaharaan Negeri bagi membolehkan Perbendaharaan Negeri menimbangkan keperluan peruntukan semasa pemeriksaan cadangan perbelanjaan.

35. Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan hendaklah disediakan dengan menggunakan laporan mengikut format di dalam sistem SPEKS dan mengikut susunan berikut:
- 35.1 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Senarai Projek dalam *Format AP 2*;
 - 35.2 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dalam *Format ABP2*;
 - 35.3 Justifikasai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan – *Format AP3*; dan
 - 35.4 Keterangan mengenai projek-projek yang dicadangkan (*Project Brief*).

PERJAWATAN

36. Kerajaan Negeri akan mengambil langkah mengisi jawatan penting secara berperingkat berdasarkan keutamaan yang mempercepatkan pencapaian KPI dan menambahkan hasil Kerajaan Negeri. Permohonan untuk jawatan tambahan hendaklah dibuat secara berasingan dan dipertimbangkan kemudian.
37. Dalam hubungan ini, sebelum mengemukakan cadangan penyusunan semula organisasi atau pertambahan perjawatan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan *re-engineering process* dilakukan bagi menghapuskan karenah birokrasi serta memaksimumkan penggunaan tenaga kerja dan *ICT* di dalam jabatan.

PEMERIKSAAN ANGGARAN BELANJAWAN

41. Pemeriksaan Anggaran Belanjawan akan diadakan pada **pertengahan bulan bulan Jun 2012**. Tarikh-tarikh pemeriksaan Belanjawan akan dikeluarkan dalam sedikit masa lagi. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan rekod-rekod berkaitan pada hari pemeriksaan Belanjawan kelak.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(ROMLI BIN DAI)

Pegawai Kewangan Negeri Perlis

2 April 2012

s.k. Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
Persiaran Wawasan
01000 KANGAR
PERLIS

Setiausaha Sulit kepada
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis.
Pejabat Menteri Besar
Kompleks Dewan Undangan Negeri
Persiaran Wawasan,
01000 KANGAR
PERLIS

Pengarah Audit Negeri Perlis.
Jabatan Audit Negara
Tingkat 1, Bangunan Persekutuan Kangar
01000 KANGAR
PERLIS

Edaran Dalaman

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Perlis

Bendahari Negeri Perlis

Fh/fh/my/doc/
Pekliling Budget Negeri 2013
28/3/2012